

RUJ. KAMI (OUR REF) :

UMP.02.01/10.12/2/1 (1)

24 April 2012

RUJ. TUAN (YOUR REF) :

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN SURAT PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 1 TAHUN 2012 :
TAFSIRAN IBU PEJABAT BAGI KAMPUS GAMBANG DENGAN KAMPUS PEKAN
SEMASA ARAHAN BERTUGAS**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 1 Tahun 2012 mengenai Tafsiran Ibu Pejabat Bagi Kampus Gambang Dengan Kampus Pekan Semasa Arahan Bertugas untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HARYANI BINTI ABDULLAH)
Timbalan Pendaftar
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k : YH Dato' Naib Canselor

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 1 TAHUN 2012

TAFSIRAN IBU PEJABAT BAGI KAMPUS GAMBANG DENGAN KAMPUS PEKAN SEMASA ARAHAN BERTUGAS

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan warga Universiti Malaysia Pahang berhubung tafsiran ibu pejabat yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatan Kuasa Pengurusan Universiti pada 9 April 2012.

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Bendahari telah mengemukakan usul kepada Jawatan Kuasa Pengurusan Universiti (JKPU) agar;
 - i. tafsiran ibu pejabat sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan diperhalusi mengikut situasi Universiti ; dan
 - ii. tuntutan oleh staf daripada Kampus Gambang ke Kuala Pahang, Pekan atau sebaliknya dikaji semula.
3. Berdasarkan **Pekeliling Perbendaharaan Bil.3 Tahun 2003** ;
 - i. "Ibu Pejabat" bermakna tempat biasa seseorang pegawai melaporkan diri untuk bertugas dan lingkungan jarak pentadbirannya ialah:
 - (a) 25 km jika boleh dihubungi oleh jalanraya;
 - (b) 16 km jika boleh dihubungi oleh jalan tanah yang boleh dilalui oleh kenderaan bermotor; dan
 - (c) 8 km jika boleh dihubungi oleh jalan basikal atau sungai.
 - ii. Elaun Harian layak dituntut sekiranya seseorang pegawai menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya bagi tempoh melebihi 8 jam tetapi kurang dari 24 jam mengikut kadar separuh daripada kelayakan Elaun Makannya.

PELAKSANAAN

4. Mesyuarat Jawatan Kuasa Pengurusan Universiti Kali Ke 63 Bil.4 Tahun 2012 pada 9 April 2012 bersetuju memperbaharui tafsiran ibu pejabat seperti berikut; tafsiran "Ibu Pejabat" dalam konteks Universiti Malaysia Pahang adalah di antara Kampus Gambang dan Kampus Kuala Pahang, Pekan.
5. Staf yang diarahkan oleh Ketua Jabatan bagi menjalankan tugas-tugas rasmi atau menghadiri latihan di Kampus Gambang atau UMP Pekan yang menggunakan **kenderaan sendiri** boleh menuntut **elaun perbatuan** sahaja manakala elaun harian tidak layak dituntut.

TARIKH KUATKUASA

6. Peraturan ini akan berkuatkuasa serta merta.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)
PENDAFTAR

Tarikh: **24** April 2012

Edaran Kepada.:

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan/Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Sbi/Pkh/c/pekeliling/SPP1_2012